

Bina memorial komunis tanda tak peka sejarah

Oleh Hambali Abdul Latiff

MUNGKIN generasi kini tidak merasai keperitan Bintang Tiga yang bermaharajalela di Tanah Melayu sebaik peninggalan Jepun. Mereka menyeksa dan membunuh setiap orang disyaki penyokong Jepun.

Kemudian, perjuangan itu diteruskan oleh komunis yang berasakan merekalah yang patut mengisi kekosongan peninggalan Jepun. Pejuang kemerdekaan mungkin ramai yang sudah tiada kini. Namun, bagi yang masih ada dan berasakan keperitannya, kekejaman komunis dan kerakusan mereka merampas kuasa dengan senjata menjadi bahan sejarah untuk selamanya.

Janganlah generasi baru menyamakan perjuangan komunis di Tanah Melayu antara 1948 dan 1960 dengan perjuangan kebebasan di Vietnam atau negara lain yang bergerak menerusi Parti Komunis.

Parti Komunis Malaya (PKM) diharamkan. Ia tidak boleh diterima rakyat. Rakyat Tanah Melayu membuktikan mereka tidak menerima perjuangan seperti itu menerusi keputusan pilihan raya perbandaran 1951, pilihan raya 1955 dan pilihan raya umum 1960.

Secara lebih jelas, tidak bermakna apabila kita menerima kehadiran Parti Komunis China pada Perhimpunan Agung Umno sebagai tetamu, kita boleh melupakan keganasan dan kesengsaraan apa yang dilakukan Bintang Tiga.

Saya menyokong rasa tidak senang Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin Maidin (Zam) dengan tindakan pihak tertentu mendirikan memorial bagi memperingati perjuangan komunis di tanah perkuburan Cina milik persendirian.

Menteri itu berkata, memorial itu dikesan dibina di tanah perkuburan Cina milik persendirian di Sarawak dan Nilai, Negeri Sembilan.

Memang benar, walaupun dilakukan di kawasan persendirian, perbuatan itu tidak sensitif terhadap perjuangan rakyat negara ini menentang komunis, dalam perjuangan menentang komunis itu ramai terkorban termasuk daripada kaum Cina sendiri.

Lebih menyedihkan, seperti kata Zam, tindakan itu juga tidak peka terhadap sambutan 50 tahun kemerdekaan negara pada tahun depan serta boleh mengganggu-gugat perpaduan rakyat.

Bercakap pada sidang media selepas merasmikan kursus induksi kepemimpinan Puteri Umno Bahagian Merbok Sabtu lalu, Menteri Penerangan berkata, selepas kita merdeka dan mencapai kejayaan menentang komunis, beliau cukup kesal apabila ada beberapa pihak cuba mengadakan memorial untuk mengenang komunis.

Jika sesiapa mempunyai ibu bapa yang masih hidup, boleh bertanya keganasan Bintang Tiga membalas dendam terhadap mereka 'disyaki bekerjasama' dengan Jepun.

Sejarah membuktikan walaupun Jepun banyak menyebabkan kesengsaraan, tetapi

mereka turut memberi dan menyediakan ruang untuk orang Melayu khususnya memperjuangkan kemerdekaan.

Kesedaran menerusi nasionalisme, keyakinan kepada diri, semangat setia kawan, politik berparti dan semangat orang Timur adalah sumbangan pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Biarpun jangkannya singkat, Jepun turut menyumbangkan kepada pendidikan, keyakinan diri serta pergerakan antara rakyat lebih meluas antara satu negeri dengan negeri lain.

Lebih daripada itu, pejuang kemerdekaan Tanah Melayu dan Indonesia turut bergabung tenaga, walaupun Indonesia mencapai kemerdekaan terlebih dulu.

Malah, Jepun jugalah yang meletakkan beberapa asas perjuangan orang Melayu khususnya untuk berpolitik, berparti dan akhirnya membolehkan mereka menjalankan kegiatan menuntut kemerdekaan.

Tetapi apa sumbangan Bintang Tiga dan kemudian komunis yang meletakkan kesengsaraan orang Melayu khususnya di Tanah Melayu antara 1948 hingga 1960?

Bintang Tiga mencipta hubungan syak wasangka antara kaum dan komunis pula mendatangkan huru-hara.

Banyak buku yang boleh dirujuk untuk mengetahui kekejaman mereka seperti *The Masked Comrades* karya Cheah Boon Cheng (1979), *Riots and Revolution in Singapore and Malaysia 1945-1963* (Richard Clutterbuck, 1973), buku karya Tunku Abdul Rahman serta banyak lagi.

Komunis bukan sekadar berjuang secara keganasan tetapi turut merosakkan ekonomi Tanah Melayu selain merosakkan sistem perhubungan ketika itu, khususnya kereta api.

Apakah sebagai rakyat yang setia kepada Malaysia untuk lebih setengah abad ini, kita mahu toleransi dengan mereka 'setia' dan menyanjung perjuangan komunis seperti itu?

Untuk lebih jelas, lihatlah bagaimana peristiwa Bukit Kepong diserang dan siapa sebenarnya mempertahankan balai polis berkenaan?

Tidakkah peristiwa Bukit Kepong itu boleh dijadikan gambaran Tanah Melayu keseluruhannya ketika itu? Siapa mempertahankan balai polis berkenaan? Bagi saya, apa dikatakan Zam itu sesuatu perlu direnungkan kembali.

Jangan biarkan api yang bermula kecil-kecilan dalam sekam. Hakikatnya seperti kata Zam, kaum Cina sendiri tidak bersetuju dengan tindakan pihak bersimpati dengan komunis itu kerana ramai juga kaum itu terkorban ketika menentang komunis.

Kejayaan kita menentang komunis kerana ramai daripada polis cawangan khas terdiri daripada kaum Cina yang memantau dan memberantas kegiatan komunis berkenaan.

Oleh itu, atas alasan apa sekalipun, komunis tidak harus diingati dan rakyat harus belajar daripada sejarah bahawa komunis adalah musuh utama negara ini!

BH-21/12/2006